



E BULETIN ACIS

EDISI 2 • JULAI - DISEMBER 2020



MELONJAK LEBIH TINGGI

Edisi kedua e buletin ACIS kali ini menonjolkan rangkuman pencapaian ACIS sepanjang 2020. Tempoh 366 hari telah berjaya di harungi dengan garapan misi dan visi yang terbaik daripada pentadbiran, dan di sambut dengan kerjasama penuh daripada seluruh warga.

Membuka tirai tahun baru dengan semangat yang lebih tinggi, Akademi Pengajian Islam Kontemporari berazam untuk melonjak lebih tinggi membawa imej Muslim Profesional ke persada dunia sejajar dengan visi UiTM menjadi universiti terkemuka dunia.

E BULETIN ACIS
EDISI KEDUA

SOROTAN TAJUK UTAMA

Bicara Dekan • (3)

MoU ACIS • (5)

Kunjungan Hormat • (9)

Penerbitan • (18)

ZAWFI2020 • (30)

KULIAH PENGUKUHAN

ACIS sebagai pengendali kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) terus komited memastikan kualiti pengajaran berada di tahap yang terbaik. Sehubungan dengan itu, pada 10 Disember 2020 ACIS sangat berbesar hati apabila Penyandang Kursi Institusi Raja Raja Melayu Universiti Teknologi MARA; YBhg Prof Dr Shamrahayu Ab Aziz sudi menyampaikan kuliah pengukuhan subjek CTU553/555/554 yang telah diadakan secara atas talian di laman Facebook ACIS.

Kuliah bertajuk "Perlembagaan Persekutuan Tiang Seri Hubungan Etnik" telah berjaya mendapat perhatian daripada sejumlah 7,400 tontonan dan meliputi pelbagai golongan masyarakat. Semoga program ini memberi manfaat kepada masyarakat seluruhnya dan ACIS sangat menghargai sokongan yang diberikan terhadap program yang telah dijalankan.



SCAN TO
WATCH
"KULIAH
PENGUKUHAN
CTU554"



JILSAH KITAB TURATH

Setiap manusia mempunyai minat dan kecenderungan yang berbeza. Menariknya, percubaan ACIS untuk mengadakan siri 'bedah kitab' secara atas talian mendapat maklumbalas yang sangat menggalakkan. Jilsah pengukuhan turath online yang dikendalikan oleh Dr Mohd Hapiz Mahaiyadin mempunyai kalangan *followersnya* yang tersendiri apabila 2 siri yang dijalankan pada 13 dan 27 November 2020 meraih jumlah tontonan sebanyak 12,300 views.

Bertemakan "Integrasi Antara Kesilaman yang Lestari dengan Kekinian yang Efektif", Kitab Kifayatul Akhyar Fi Hall Ghayatil Ikhtisar (باب ما يحل وما يحرم من الأطعمة) telah disyarahkan oleh Dr Mohd Hapiz Mahaiyadin (KPP Pengurusan Industri Halal ACIS) dan pelbagai soalan dari penonton telah diulas dengan teliti. Semoga lebih banyak masyarakat secara amnya mendapat manfaat daripada kepakaran yang ada di ACIS, Insyallah.



SCAN TO
WATCH
"JILSAH
KITAB
TURATH"



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA



<https://acis.uitm.edu.my/>



korporatacis@uitm.edu.my



+603-5544 2650



<https://www.facebook.com/acis.uitm>



<https://www.instagram.com/acis.uitm/>



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.